



TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

SEMASA MAJLIS SEMINAR PEMULIHAN DAN SELIAAN

dengan tema

“MELAYU ISLAM BERAJA: ASAS INTEGRASI”

anjuran

MAJLIS TERTINGGI MELAYU ISLAM BERAJA

kelolaan

JABATAN PENJARA

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PADA HARI SELASA

16 REJAB 1436 / 5 MEI 2015

JAM 8.45 PAGI

BERTEMPAT

TINGKAT 7, BALLROOM, CENTERPOINT HOTEL

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Mulia

Dr Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Setiausaha/Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan

Yang Mulia Tuan Haji Ismail bin Haji Murat, Pemangku Pengarah Penjara,
Negara Brunei Darussalam, Selaku Pengerusi Bersama Majlis Seminar
Pemulihan dan Seliaan

Yang Dimuliakan dan Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha-
Setiausaha Tetap

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan, Timbalan-Timbalan Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai
Kanan, Pegawai-Pegawai, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong, para
pembentang dalam dan luar Negara, peserta Seminar serta hadirin yang
dihormati sekalian.

Alhamdulillah, Kaola/Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia rahmat dan izinnya jua, kita dapat sama-sama hadir ke Majlis Perasmian Seminar Pemulihan dan Seliaan anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan dikelolakan oleh Jabatan Penjara Negara Brunei Darussalam sempena sambutan memperingati penubuhan Jabatan Penjara kali ke 61 tahun. Kaola/Saya dengan ikhlas merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pemangku Pengarah Penjara, Yang Mulia Awang Hj Ismail bin Hj Murat dan Dr Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku Pengerusi Bersama Majlis Seminar Pemulihan dan Seliaan dan ahli Jawatankuasa Majlis pagi ini kerana telah menjemput saya untuk hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan dan menyempurnakan perasmianya. Dikesempatan ini Kaola/Saya jua merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Penjara di atas ulang tahun penubuhannya yang ke 61 tahun.

Seperti kita maklum, Jabatan Penjara memainkan peranan yang amat penting di dalam menjaga keamanan Negara dengan penuh dedikasi dan integriti. Disamping memastikan keselamatan penghuni penjara dan kepentingan awam, peranan Jabatan Penjara masakini juga meliputi keperluan program pemulihan dan reintegrasi tahanan yang berkesan untuk kembali kepangkuan masyarakat, membantu mereka supaya tidak mengulangi kesalahan (re-offend) dan kembali ke penjara serta menghormati dan mentaati undang-undang Negara.

Kaola/Saya difahamkan Seminar Pemulihan dan Seliaan pada pagi ini adalah bertemakan "Konsep Melayu Islam Beraja Asas Integrasi". Kaola/Saya berpendapat bahawa tema ini adalah sangat tepat dan bersesuaian kerana Melayu Islam Beraja adalah konsep Negara yang unggul yang telah jelas termaktub dalam Watakah Pemasyhuran Kemerdekaan yang telah dititahkan pada 1 Januari 1984 dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Konsep

Melayu Islam Beraja di bawah kepimpinan Raja kita yang berjiwa rakyat telah menyatupadukan kita ke arah kehidupan yang lebih sempurna dengan keredhaan Allah jua.

Kaola/Saya amat gembira mengambil maklum bahawa Jabatan Penjara telah mewujudkan pejabat perkhidmatan seliaan seiring dengan tuntutan semasa yang bertujuan untuk menjadikannya sebagai premis bagi memudahkan rakan-rakan seliaan mengikuti program-program yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kauseling dan Seliaan. Bahagian ini juga berperanan dalam menyediakan program-program pemulihan yang sempurna agar penghuni akan dapat kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab. Di antara perkhidmatan dan program yang ditawarkan adalah seperti program kerohanian, program pendidikan, program sokongan keluarga, penyaluran bantuan (referral) dan perkhidmatan kaunseling. Sehubungan dengan itu kaola/saya berpendapat adalah amat penting bagi Jabatan Penjara untuk terus berusaha dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan ini dengan sokongan dan kerjasama yang erat dari pihak yang berkenaan termasuk bekas tahanan dan keluarga sendiri. Mungkin ada jua baiknya jika bekas tahanan yang berjaya keluar dari jenayah dan berjaya menjalani kehidupan semula dapat berkongsi kerjayaan mereka itu sebagai contoh dan pemberi semangat kepada tahanan lain.

Kaola/Saya difahamkan sasaran utama bagi Seminar ini adalah pihak dan agensi dalam Kerajaan, masyarakat, sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan yang berkenaan dan berkepentingan di dalam memberikan dan membantu pihak Penjara ke arah perkhidmatan pemulihan dan reintegrasi bekas penghuni ini. Sokongan padu dan berterusan abiskita semua adalah sangat diperlukan dan dihargai. Kaola/Saya gembira mengetahui bahawa program-program yang dikendalikan oleh Pejabat Penjara memberikan kefahaman dalam menerapkan nilai-nilai dan calak kebruneian termasuk aspek kesetiaan dan kasih kepada Raja dan Negara, cintakan keamanan,

kekeluargaan, ugama menjadi panduan hidup dan memupuk sikap pemedulian, hormat menghormati, kesederhanaan dan tidak patah hati dalam meneruskan kehidupan. Kaola/Saya dengan ikhlas merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dan berdoa semoga Allah Subhannahu Wata'ala mengurniakan ganjaran atas usaha abiskita yang berkebajikan itu.

Menurut maklumat yang ada, kadar pengulangan semula (recidivism rate) di Negara ini adalah 36% dalam masa 3 tahun kebelakangan. Statistik ini agak membimbangkan kita. Satu kajian tempatan yang dikeluarkan pada 2010 telah menyatakan bekas penghuni didapati mengulangi kesalahan mereka kerana mengalami masalah kewangan, kurang sokongan dan bantuan dari segi pekerjaan dan keluarga. Memang banyak luahan hati bekas penghuni yang kita dengar. Sehubungan dengan itu sokongan keluarga dan masyarakat semua adalah penting bagi mereka ini dan merupakan sumber kekuatan kepada bekas-bekas penghuni ini. Justeru itu kefahaman dan kesedaran serta keikhlasan semua pihak yang berkenaan dalam sama-sama berganding bahu menanai tugas dan tanggungjawab yang berat ini adalah perlu dan sangat penting. Di sinilah peranan konsep Melayu Islam Beraja perlu diserapkan agar masyarakat berganding bahu dan bersatu padu dalam pemedulian bekas-bekas penghuni ini.

Kaola/Saya berharap Seminar ini akan dapat mencapai objektif utamanya iaitu menanamkan nilai-nilai akhlak terpuji berasaskan konsep Melayu Islam Beraja dalam membentuk generasi berwawasan, meningkatkan kerjasama dan mengeratkan hubungan bersama rakan strategik dari luar Negara khususnya dalam konteks strategi pemulihan dan aspek-aspek/kaedah yang berkesan. Seminar ini merupakan salah satu platform terbaik untuk mengumpulkan pakar dalam dan luar negara bagi tujuan percambahan fikiran, perkongsian pengalaman dan amalan terbaik,

perbincangan mengenai perkembangan terkini dalam memperbaiki sistem di Negara masing-masing.

Kaola/Saya penuh yakin bahawa Seminar ini nanti akan berjaya melahirkan resolusi ke arah memperkasa penyediaan khidmat bantuan bagi pemulihan dan seliaan bekas-bekas penghuni dan keluarga mereka dikalangan agensi yang berkenaan disamping meningkatkan “mind set” semua peringkat masyarakat mengenai fungsi dan peranan masing-masing di dalam pemedulian bekas penghuni yang akan menyumbang kepada keharmonian Negara. Kaola/Saya penuh yakin bahawa kefahaman mengenai peri pentingnya perkhidmatan pemulihan dan penyeliaan ini akan dapat mengurangkan stigma sosial dan persepsi masyarakat masa kini terhadap bekas-bekas penghuni. Dikesempatan ini Kaola/Saya juga suka mencadangkan jika Jabatan Penjara dapat menimbangkan kaedah yang bersesuaian dalam menangani penghuni wanita, terutama yang mempunyai anak damit yang masih memerlukan penyusuan ibu. Kaola/Saya difahamkan ada Negara tertentu yang mempunyai amalan yang baik bagi penghuni sedemikian yang telah berjaya memberikan semangat kepada penghuni itu untuk berubah dan tidak mengulangi lagi kesalahan mereka, dan kesejahteraan anak damit yang tidak berdosa tersebut terus terjaga.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun menyediakan undang-undang seperti Peraturan Penjara yang akan memberikan peluang-peluang kepada bekas penghuni ini untuk menghadapi cabaran hidup selepas keluar nanti. Peraturan Penjara memperuntukan bagi beberapa prinsip utama di dalam menangani penghuni penjara seperti keadilan dan ketegasan dalam menangani tatatertib dan ketenteraman bagi penghuni penjara, menggalakkan bagi harga diri dan rasa tanggungjawab untuk membangun moral dan menanamkan sikap sebagai rakyat yang baik dan bekerja keras bagi

menggalakkan mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan berguna setelah dilepaskan nanti.

Sehubungan dengan itu inisiatif Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan juga Pejabat Penjara menganjurkan Seminar ini adalah sangat bertepatan masanya demi untuk membantu bekas-bekas penghuni bagi satu kelangsungan hidup yang lebih sempurna dan teratur. Kaola/Saya juga mengambil maklum bahawa Jabatan Penjara telah merancang untuk memberikan satu kurikulum yang baru kepada bekas penghuni semasa proses pemulihan mereka bagi memberikan mereka kepakaran selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan pada masa ini. Ini adalah satu inisiatif yang harus dipuji dan dihargai.

Kita harus mengambil iktibar dari inisiatif Jabatan Penjara dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja ini dan seharusnya bersikap proaktif dalam membantu menangani cabaran kehidupan yang dihadapi oleh bekas-bekas penghuni. Dalam hal ini pada pandangan kaola/saya program yang disediakan oleh Jabatan Penjara dalam khidmat seliaan ini mungkin boleh dipanjangkan tempohnya dan diperkuatkan lagi dengan program yang lebih “structured” terutama bagi mereka yang mempunyai risiko besar akan kembali melakukan jenayah, seperti kaunseling dan lain-lain terutama sebaik saja penghuni lepas dari penjara di mana mereka ini paling terdedah pada cabaran hidup dan pengaruh yang boleh mendorong mereka kembali kepada jenayah. Perjalanan bekas penghuni yang ingin kembali kepangkal jalan bukanlah mudah. Keluarga bekas penghuni juga turut menghadapi cabaran. Bagaimanapun dengan komitmen keluarga dan dorongan rakan-rakan serta masyarakat, kaola/saya yakin bekas penghuni akan berjaya kembali kepangkuan masyarakat dan memberikan sumbangan kepada Negara, dan sama-sama menjaga keamanan dan kemakmuran Negara.

Pejabat Peguam Negara sendiri juga mengambil langkah proaktif dengan mengamalkan dasar “prosecution as the last resort” (pendakwaan sebagai

langkah terakhir) bagi kes-kes kurang serius yang mana pelaku-pelaku jenayah tersebut masih saja boleh diambil tindakan selain pendakwaan. Pejabat Peguam Negara sentiasa bersedia membantu Jabatan Penjara dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mencapai objektif yang diharapkan, termasuk dari segi mengemaskini dan menggubal undang-undang yang diperlukan.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Jabatan Penjara kerana mengendalikan Seminar ini dan kaola/saya berdoa agar inisiatif seperti ini akan berterusan dan berkembang dan sentiasa mendapat sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat.

Dengan kalimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wassalam, dan dengan bertawakal serta bersyukur ke hadrat Allah Subhannahu Wata’ala kaola/saya dengan sukacita merasmikan “Seminar Pemulihan dan Seliaan” anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja kelolaan Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.